

SULIT



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**

5226/2

Tasawwur Islam
Kertas 2
September
2018
2 ½ jam

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan.
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 1 halaman kosong

Soalan 1 mesti dijawab , kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya

1.

..... “ Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlh kepada Aku”.

Maksud Al-Quran surah al-Anbiya' 21: ayat 25

- (a) (i) Maksud ayat al-Quran di atas menafikan secara mutlak ketuhanan selain daripada Allah SWT yang bersifat uluhiyyah. Apakah yang dimaksudkan dengan Uluhiyyah? [2 markah]

- (ii) Jelaskan dua konsep Uluhiyyah. [4 markah]

- (b) Hadis ialah semua perbuatan,perkataan dan pengakuan dari Rasulullah S.A.W dan merupakan sumber hukum yang kedua selepas al-Quran.

- (i) Nyatakan dua kepentingan hadis terhadap al-Quran [4 markah]

- (ii) Sejarah telah merakamkan golongan yang mempertikaikan hadis telah bermula semenjak daripada zaman sahabat lagi dan berkembang pada zaman tabi'in kemudiannya menular pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan seterusnya pada zaman Imam as-Syafi'i. Keadaan tersebut berterusan sehingga ke hari ini dengan pelbagai nama dan kumpulan.

Terangkan kesan buruk kepada golongan yang mempertikaikan hadis sebagai salah satu dari sumber hukum dalam Islam. [4 markah]

- (c) Jelaskan dua cara memulihara alam musyahadah yang telah rosak [2 markah]

- (d) Terangkan **dua** bentuk budaya asing yang bertentangan dengan ajaran Islam. [4 markah]

2. (a)

”Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam ”

(Maksud al-Quran Surah Ali-Imran, 3: ayat 19)

Maksud ayat al-Quran diatas menjelaskan bahawa hanya Islam sahaja yang diterima oleh Allah SWT kerana ianya agama yang bersifat Rabaniyyah.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Rabaniyyah? [2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** cara anda menghayati sifat Rabaniyyah [4 markah]

(b) Syumuliyah bermaksud agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat.

(i) Senaraikan dua prinsip syumuliyah. [2 markah]




(ii) Terangkan dua contoh syumuliyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]

(c) Antara hak asasi manusia yang terkandung dalam prinsip 'alamiyyah ialah memelihara nyawa.

Terangkan dua cara Islam memelihara nyawa mengikut prinsip Alamiyyah. [4 markah]

(d) Huraikan dengan menyatakan bukti yang tepat tentang persamaan taraf manusia menurut pandangan Islam. [4 markah]

3. (a)

Negara	Bilangan Penduduk Muslim (2009)	Peratus Muslim
 Afghanistan	28,072,000	99.7
 Albania	2,522,000	79.9
 Algeria	34,199,000	98.0

Data di atas menyenaraikan antara negara umat Islam di dunia. [4 markah]
Senaraikan empat prinsip negara Islam.

(b) Huraikan dua peranan Rasulullah SAW berdasarkan Perlembagaan Madinah [4 markah]

(c) Khalifah bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan betul dan amanah.

(i) Senaraikan **dua** syarat untuk dilantik sebagai khalifah. [2 markah]

(ii) Bincangkan kesan sekiranya khalifah tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul. [4 markah]

(d) Islam menuntut umatnya supaya mengamalkan sifat yang mulia bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

(i) Nyatakan dua sifat mulia yang perlu di amalkan bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat [2 markah]

(ii) Jelaskan cara yang perlu anda lakukan bagi memupuk sifat mulia dalam diri anda. [4 markah]

4. (a) Harta merupakan anugerah Allah SWT. kepada manusia yang mesti di uruskan dengan mengamalkan sifat amanah.
- (i) Mengapakah Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kebaikan pekerjaan yang halal. [4 markah]
- (c) Anda dijemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk "keburukan hidup tanpa pekerjaan " Bincangkan hujjah bagi menyokong tajuk ceramah tersebut. [4 markah]
- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ijthid? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** matlamat ijthid diharuskan dalam Islam. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara fatwa dengan ijthid [4 markah]
- (b) Makruh ialah perkara yang sangat digalakan untuk ditinggalkan. Jika ditinggalkan akan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak mendapat dosa
- (i) Senaraikan **dua** contoh dari pernyataan diatas. [2 markah]
- (ii) Mengapakah melakukan perbuatan tersebut tidak digalakkan dalam Islam. [4 markah]
- (c) Pelaksanaan perundangan Islam dapat menyelesaikan masalah jenayah dalam masyarakat. Huraikan pernyataan diatas [4 markah]
6. Penyelesaian masalah menurut Islam adalah menyelesaikan masalah manusia berasaskan syariat Islam.
- (a) (i) Nyatakan **dua** sumber penyelesaian masalah menurut Islam [2 markah]
- (ii) Mengapakah sesuatu masalah mesti diselesaikan secara Islam [4 markah]
- (b) Kemiskinan boleh membawa kepada kekufuran
- (i) Nyatakan dua punca berlakunya kemiskinan dalam masyarakat. [4 markah]

- (ii) Huraikan bagaimana anda dapat meningkatkan ekonomi keluarga anda ? [6 markah]
- (c) Razali telah ditangkap dan didapati bersalah kerana menyalahgunakan pil khayal. Apakah hukuman yang boleh dikenakan keatas beliau menurut hukuman jenayah Islam. [4 markah]
7. (a)

Sistem sosial Islam adalah sistem sosial yang berteraskan Rabaniyyah
--
- (i) Huraikan **dua** ciri sistem sosial Islam [4 markah]
- (ii) Jelaskan implikasi pengabaian tanggungjawab sosial kepada masyarakat. [6 markah]
- (b)

Antara matlamat perundangan Islam adalah untuk melindungi harta manusia daripada dicerobohi oleh orang lain.
--
- Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan perlakuan yang sewajarnya anda lakukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua cara mewujudkan kesaksamaan sosial dalam masyarakat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT